



Home » Sasar 20,000 suntikan sehari



Khairy (tengah) ketika sidang akhbar selepas Pasca Mesyuarat CITF negeri Sembilan di Wisma Negeri, di sini hari ini. /FOTO MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Sasar 20,000 suntikan sehari

Oleh NOR SHAFAWATI YUP 22 Jun 2021, 7:13 pm

SEREMBAN – Kadar suntikan vaksinasi harian Covid-19 di Negeri Sembilan akan ditingkatkan kepada 20,000 suntikan setiap hari menjelang Julai depan memandangkan negeri tersebut berdepan gelombang penularan kes yang agak tinggi.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin berkata, ketetapan itu merupakan strategi dan hasil kesepakatan yang dibuat oleh Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) pusat dan negeri.

Menurut beliau, usaha itu bagi mencapai sasaran keseluruhan 80 peratus penduduk negeri Sembilan menerima suntikan vaksin Covid-19 pada Oktober depan iaitu dua bulan lebih awal daripada yang dijadualkan pada Disember 2021.




“Kadar 20,000 suntikan setiap hari di negeri itu merupakan kapasiti tertinggi yang akan kita buat Julai nanti berbanding kapasiti tertinggi harian setakat ini iaitu 7,000 suntikan sahaja.

“Ini merupakan strategi kita untuk meningkatkan kadar vaksinasi di negeri berkenaan yang turut disokong dengan penghantaran 600,000 dos vaksin Covid-19 juga pada Julai,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Pasca

Mesyuarat CITE Negeri Sembilan di Wisma Negeri, di sini hari ini.

Jelas Khairy, dengan penambahan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) kita yakin dapat mempercepatkan proses vaksinasi dan imuniti Covid-19 di negeri Sembilan termasuk pembukaan PPV industri dan PPV yang lebih besar untuk orang awam di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai.


“Untuk permulaan sebanyak dua buah PPV industri di Negeri Sembilan akan dibuka pada awal Julai ini iaitu di D'Tempat Country Club, Sendayan dan D'Cattleya, Senawang yang diselenggarakan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).




“Buat masa ini, kita sudah ada 46 kilang melibatkan 15,000 pekerja yang telah berdaftar di bawah MITI dan menyertai Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS),” katanya. -K! ONLINE

BERITA SELANJUTNYA


by




'Mengurat' orang tua paling mencabar – Afea Deanna




Agihan dos di Selangor ditambah 25 peratus




Maut angkara besi 'beam' tayar






Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin



Isteri polis bersalah bunuh pembantu rumah dipenjara 30...



Nelayan jutawan sekelip mata selepas jumpa muntah paus





POPULAR



Uruguay masih ada kekurangan

23 Jun 2021, 11:15 am



Serius berpolitik, Hans enggan berlakon lagi?

23 Jun 2021, 11:00 am



Sumbat syabu, heroin dalam mesin basuh buruk

23 Jun 2021, 10:59 am




Jerman waspada 'si licik' Hungary

23 Jun 2021, 10:55 am



BERITA BERKAITAN





Bapa beri bayi minum arak direman lima hari

23 Jun 2021, 10:48 am



Lelaki terkejut akaun ada wang RM4.9 trilion

23 Jun 2021, 10:38 am



Lebih 250,000 individu divaksin semalam

23 Jun 2021, 10:12 am





AS semakin hampiri sifar kes Covid-19

23 Jun 2021, 10:09 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami